



Headline: Wanita warga emas rugi hampir RM700,000 ditipu Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian
Date: 8 June 2022

Section: Nasional
Page: 20

Wanita warga emas rugi hampir RM700,000 ditipu Macau Scam

Taiping: Seorang wanita warga emas kerugian hampir RM700,000 apabila diperdaya anggota sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai anggota polis dari Sabah.

Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisioner Osman Mamat, berkata mangsa berusia 77 tahun yang juga kerani syarikat kontraktor perumahan menerima panggilan daripada lelaki yang memperkenalkan diri sebagai seorang anggota polis bernama Ah Seng yang bertugas di Sabah, pada jam 8.45 pagi 15 Mei lalu.

Dalam perbualan itu, suspek memaklumkan bahawa kad pengenalan milik mangsa digunakan dalam satu kes penipuan dan diugut akan dimasukkan ke dalam penjara atas kesalahan itu.

"Susulan itu, suspek menawarkan diri untuk menyelesaikan perkara berkenaan dan mengarahkan mangsa untuk membayar wang sebanyak RM600,000 hingga RM700,000 sebagai pinjaman dengan memberi alasan akan menubuhkan satu kumpulan bagi menyelesaikan kes berkenaan.

"Disebabkan terlalu takut akan dipenjarakan, mangsa bersetuju dengan apa yang diminta

oleh suspek dengan membuat deposit cek RHB sebanyak dua kali di bank Hong Leong cawangan Taiping pada jam 2 petang 23 Mei lalu," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, deposit cek pertama berjumlah RM320,000 dan kali kedua sebanyak RM350,000.

Osman berkata, suspek turut mengarahkan mangsa supaya memberitahu pihak bank bahawa wang deposit yang dimasukkan itu adalah bertujuan untuk membeli rumah supaya pihak bank tidak mempertikaikannya.

Selepas menyedari ditipu, beliau berkata, mangsa membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Taiping semalam dan memaklumkan sumber kewangan yang lesap itu adalah daripada wang simpanan kerja, hasil peninggalan mendiang suami dan pelaburan saham.

"Siasatan masih dijalankan dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Kita sentiasa menasihatkan kepada orang ramai supaya berhati-hati tidak mempercayai penyamaran sebegini. Jika berlaku kes seumpama ini, terus hubungi pihak polis bagi dapatkan maklumat betul," katanya.



Osman Mamat